



Pathmanabhan tampil berjambang



SOSILAWATI LAWIYA
Jutawan kosmetik



AHMAD KAMIL
Peguam



KAMARUDIN
Pemandu peribadi



NOORHISHAM
Pegawai CIMB

BANTING - Peguam N. Pathmanabhan yang berhadapan dakwaan membunuh jutawan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya dan tiga yang lain Ogos lalu tampil dengan gaya yang berbeza ketika dibawa kali pertama ke Mahkamah Majistret Telok Datok di sini semalam.

Selepas lebih sebulan ditahan reman berhubung pembunuhan tragis itu, raut wajah Pathmanabhan yang sebelum ini segar, kemas dan berkaca mata seperti penampilan biasa seorang peguam berubah apabila dia hadir dengan imej berjambang serta tidak terurus semalam.

Pathmanabhan yang lengkap berpakaian kemeja putih berjalar dilihat menundukkan kepala dengan wajah yang sugul tanpa menunjukkan sebarang reaksi terhadap kehadiran orang ramai yang membanjiri Kompleks Mahkamah Telok Datok di sini.

Dia yang bergari dan dikawal ketat oleh beberapa anggota polis juga membiarkan wajahnya dirakam jurugambar tidak seperti sebelum ini yang menunjukkan reaksi tidak senang apabila gambarnya dirakam.

Turut dituduh atas dakwaan sama ialah pekerja ladang Pathmanabhan iaitu T. Thilaiyalagan, 19, R. Matan, 20, dan R. Kathavarayan, 30.



WAJAH Pathmanabhan yang berjambang ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Telok Datok, Banting semalam.

tiada seorang ahli keluarga keempat-empat tertuduh terbahadur hadir di mahkamah.

Mahkamah tersebut yang sebelum ini sentiasa lengang semalam bertukar menjadi tumpuan bagaikan pesta apabila puluhan orang hadir semata-mata mahu melihat wajah tertuduh dengan lebih dekat.

Kira-kira 50 wakil media telah berkampung di kawasan mahkamah sejak pukul 8.30 pagi bagi menanti kehadiran keempat-empat tertuduh.

Polis pula mengerahkan 30 anggotanya yang berpakaian preman dan seragam untuk mengawal kawasan mahkamah.

Sebaik sebutan kes selesai pada pukul 9.30 pagi, Majistret Hurman Hussain membenarkan keempat-empat tertuduh berjumpa dengan peguam masing-masing selama 10 minit setiap seorang sebelum kesemua tertuduh meninggalkan mahkamah.

Tepat pada pukul 10.10 pagi, keempat-empat tertuduh beredar dengan diiringi tiga buah kenderaan polis untuk ditahan di Penjara Sungai Buloh sehingga kes itu disebut semula pada 16 Disember ini.

PATHMANABHAN dengan wajah bersih ketika ditahan reman pada 12 September.



Kronologi kehilangan Sosilawati dan tiga rakan

■ 30 Ogos (5 petang) - Sosilawati meninggalkan pejabat bersama pemandu Kamarudin dari Kampung Baru, Kuala Lumpur menuju ke Banting untuk urusan

perniagaan. Turut bersama jutawan kosmetik itu ialah peguam Ahmad Kamil dan pegawai CIMB Noorhisham.

■ 31 Ogos - Anak perempuan Sosilawati membuat laporan polis mengenai kehilangan ibunya.

■ 2 September - Kereta Perdana V6 milik Noorhisham ditemui di Petaling Jaya.

■ 6 September (9.30 malam) - Kereta BMW milik Sosilawati ditemui di Pangsapuri Angsana USJ1 manakala kereta Ahmad Kamil ditemui di kawasan perumahan di USJ 1, Subang Jaya.

■ 9 September - Polis Bukit Aman menyoal siasat seorang peguam, N. Pathmanabhan.

■ 10 September - Tangkapan pertama dibuat melibatkan lima orang termasuk seorang wanita berusia antara 19 dan 45 tahun di ladang ternakan ayam di Ladang Gadong, Banting.

■ 11 September - Pathmanabhan, 41, dan adiknya berusia 38 tahun ditahan.

■ 12 September (12 malam) - Wartawan mendapat maklumat mengenai penemuan empat mayat di Ladang Gadong namun tiada pengesahan dikeluarkan polis.

■ 12 September - Polis menahan seorang lagi remaja berusia 19 tahun di ladang ternakan ayam di Ladang Gadong yang menjadikan jumlah tangkapan seramai sembilan orang.

■ 12 September (12.30 tengah hari) - Dua van pasukan forensik Jabatan Kimia Malaysia dan beberapa kenderaan yang membawa beberapa lelaki yang ditahan memasuki Ladang Gadong.

■ 12 September (6.30 petang) - Polis temui spesimen dipercayai serpihan tulang manusia di Sungai Panchau berdekatan Ladang Gadong.

Kuala Lumpur, 30.
Tiga tertuduh tiba dengan menaiki sebuah van manakala Pathmanabhan pula dibawa menaiki sebuah kereta Proton Waja.

Wajah dan susuk tubuh Thilaiyalagan, Matan dan Kathavarayan yang semuanya memakai kemeja T langsung tidak nampakkan perubahan jika dibandingkan ketika mereka mula ditahan bagi membantu siasatan kes pembunuhan itu antara 9 dan 12 September lalu.

Dalam pada itu, *Kosmo!* difahamkan




Adik peguam, seorang lagi lelaki dibebaskan

KUALA LUMPUR - Adik peguam N. Pathmanabhan dan seorang lagi lelaki yang ditahan pada 11 September lalu bagi membantu siasatan kes pembunuhan jutawan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya dan tiga rakannya dibebaskan dengan jaminan polis semalam.

Minggu lalu, kedua-dua lelaki itu disambung reman selama enam hari sehingga semalam bagi membantu siasatan kes kehilangan ahli perniagaan dari Sungai Petani, Kedah, Mohd. Shafik Abdullah, 37, dan rakannya, S. Theravaraj, 28, dari Taiping, Perak pada April lalu.

Peguam Ravi Nekoo mengesahkan pembebasan kedua-dua lelaki tersebut pada



KEADAAN di luar Mahkamah Majistret Telok Datok, Banting semalam yang dipenuhi orang ramai yang berminat mengikuti pendakwaan tertuduh kes bunuh Sosilawati.

pukul 1 petang di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur semalam.

Selain itu, nasib dua lagi lelaki yang masih direman bagi membantu siasatan kes yang sama akan diketahui selepas tempoh tahanan reman selama tujuh hari terhadap mereka berakhir esok.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin berkata, kedua-dua lelaki tersebut masih ditahan reman dan tempoh reman itu akan berakhir esok.

"Tunggulah Jumaat ini (esok), mereka masih ditahan reman lagi," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Bukit Aman

semalam.

Sementara itu, seorang wanita, Jesyntha Clarene a/p Isreal, 27, yang ditahan reman pada 8 Oktober lalu bagi membantu siasatan kes Sosilawati dan tiga rakannya turut dibebaskan dengan jaminan mahkamah semalam.

Jesyntha Clarene (**gambar**) yang beralamat di Batu 1/2, Jalan Jugra, Banting sebelum ini dicari polis bagi membantu siasatan sebelum dia menyerah diri di Balai Polis Dang Wangi di sini pada 7 Oktober lalu.

Sosilawati, 47, dilaporkan hilang bersama pemandunya, Kamarudin Shansudin, 44, pegawai bank CIMB Kampung Baru, Noorhisham Mohammad, 38, dan peguam Ahmad Kamil Abdul Karim, 32, pada 30 Ogos lalu selepas pergi ke Banting untuk urusan berkaitan hartanah.

Siasatan orang hilang diteruskan

KUALA LUMPUR – Siasatan kes pembunuhan jutawan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya dan tiga rakannya sedang dilengkapkan dan berada di peringkat dikemaskini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin (**gambar**) berkata, pihaknya sedang melengkapkan keseluruhan laporan siasatan kes tersebut.

“Kita perlukan masa untuk menyiapkan keseluruhan laporan. Berilah ruang dan peluang untuk kita buat siasatan lanjut,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di Bukit Aman semalam.

Menurut Bakri, pihaknya masih menunggu laporan lengkap keputusan ujian asid



BANGUNAN pejabat Nouvelles Visages di Jalan Raja Bot, Kampung Baru, Kuala Lumpur yang diasaskan oleh Sosilawati.

Info Mangsa bunuh, hilang

DATUK SOSILAWATI LAWIYA, 47

Dilahirkan di Sri Medan, Batu Pahat, Johor.

Anak ketujuh daripada 12 adik-beradik.

Pengasas produk kosmetik Nouvelles Visages Sdn. Bhd. (NV) sejak 12 tahun lalu. Mempunyai enam anak.



AHMAD KAMIL ABDUL KARIM, 32

Peguam peribadi Sosilawati.

Pengurus cawangan sebuah firma guaman di Putrajaya.

Sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak.

Memiliki kelulusan Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Seorang yang peramah dan sangat disenangi di kalangan rakan sekerja dan kenalannya.



tingkap reputasi ujian asid deoksiribonukleik (DNA) mangsa-mangsa terbabit dari Jabatan Kimia.

"Kita beri masa kepada pihak Jabatan Kimia untuk mereka menyiapkan laporan (DNA) tersebut," kata beliau.

Majistret Hurman Hussain semalam menetapkan 16 Disember depan untuk sebutan semula kes pembunuhan Sosilawati dan tiga lelaki setelah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Ishak Mohd. Yusoff yang memerlukan tempoh dua bulan bagi mendapatkan laporan kimia.

Hurman memberitahu, tempoh selama dua bulan tersebut merupakan amalan biasa bagi memperoleh laporan kimia.

Semalam, peguam N. Pathmanabhan serta tiga pekerjaanya dibawa ke Mahkamah Majistret Telok Datok, Banting bagi menghadapi tuduhan

menyiasakan orang Sosilawati.

Kita perlukan masa untuk menyiapkan keseluruhan laporan. Berilah ruang dan peluang untuk kita buat siasatan lanjut

MOHD. BAKRI

membunuh jutawan kosmetik tersebut dan tiga yang lain pada 30 Ogos lalu.

Tiga lagi tertuduh yang didakwa bersama Pathmanabhan, 41, ialah pekerja ladang milik peguam berkenaan iaitu T. Thilaiyalagan, 19, R. Matan, 20, dan R. Kathavarayan, 30.

Mereka berhadapan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Bakri memberitahu, meski-

pun empat lelaki tersebut telah didakwa di mahkamah namun siasatan polis juga masih diteruskan bagi menyasiat kes berkaitan orang hilang.

"Penyasiatan polis terhadap beberapa orang yang dilaporkan hilang sebelum ini belum berakhir.

"Kita sambung siasatan berhubung orang hilang. Kita percaya mereka terlibat dalam kes kehilangan orang hilang itu," katanya.

Keluarga harap kematian dapat pembelaan

BATU PAHAT - "Kami sekeluarga telah membulatkan tekad untuk ke mahkamah pada 16 Disember ini."

Demikian tegas Rosnani Lawiya, 45, adik jutawan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya, 47, apabila mengetahui seorang peguam, N. Pathmanabhan telah didakwa di Mahkamah Majistret Banting semalam atas tuduhan membunuh kakaknya dan tiga yang lain.

Menurut Rosnani, ahli keluarganya telah lama menanti perkembangan kes tersebut dan berharap ada perkembangan positif bagi membalas perbuatan kejam terhadap kakaknya.

"Alhamdulillah, akhirnya hari ini (semalam) penantian kami tidak sia-sia kerana telah ada orang yang didakwa.

"Walaupun kes ini masih di peringkat awal, sekurang-kurangnya ia telah dibawa ke mahkamah dan kami menaruh keyakinan terhadap proses perundangan negara," katanya kepada *Kosmo!* sema-

lam.

Pathmanabhan dan tiga yang lain didakwa di Mahkamah Majistret Telok Datok semalam mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh Sosilawati, pemandunya, Kamarudin Shansudin, 44, peguam, Ahmad Kamil Abdul Karim, 32, pegawai bank CIMB, Noorhisham Mohammad, 38.

Tiga lagi yang didakwa ialah T. Thilaiyalagan, 19, R. Matan, 20, dan R. Kathavarayan, 30.

Sementara itu, di Kuala Lumpur, keluarga Noorhisham bersyukur dalam hiba selepas mengetahui empat tertuduh dalam kes itu telah dibawa ke muka pengadilan.

Bapa mertua Noorhisham, Radin Pangat Ishak, 66 (**gambar**), berkata, keluarganya berharap suspek-suspek yang terlibat dalam kes itu akan diadili sebaik mungkin.

"Kami yakin dan percaya dengan sistem perundangan negara ini yang tidak akan

membiarkan mereka yang bersalah terlepas daripada hukuman yang setimpal," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Radin lagi, dia dan anaknya yang juga isteri mangsa, Suzana Raden, 38, sudah reda dengan segala kemungkinan yang bakal berlaku termasuk sekiranya laporan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) nanti mengesahkan identiti salah seorang mangsa yang dibunuh itu merupakan Noorhisham.

"Sehingga hari ini keluarga saya masih meneruskan solat hajat dan doa selamat terhadap Noorhisham dan masih berharap dia akan ditemui semula," katanya.

Sementara itu, di Kuantan, Pahang, Ramlah Shansudin, 49, kakak kepada Kamarudin meminta pihak berkuasa menjatuhkan hukuman setimpal dengan apa yang telah dilakukan terhadap adiknya dan berharap proses pendakwaan berjalan lancar.

"Saya sangat berharap untuk melihat kesemua tertuduh menerima balasan setimpal," katanya.

Bakri menambah, penyasiatan pihaknya sekarang tertumpu kepada laporan orang hilang yang sedia ada.

Seramai empat orang yang dilaporkan hilang sebelum ini termasuk seorang daripada dibunuh yang disyaki mempunyai kaitan dengan individu yang ditahan bagi membantu kes pembunuhan Sosilawati dan tiga rakan.

Mereka yang dilaporkan hilang ialah seorang warga India, Allal Kantan Muthu Raja, 34, ahli perniagaan dari Sungai Petani, Kedah, Mohd. Shafik Abdullah dan seorang rakannya, S. Theravaraj, 28, dari Taiping, Perak.

Seorang lagi mangsa ialah T. Selvi, 46, yang mati dibunuh selepas diserang oleh dua lelaki tidak dikenali di hadapan rumahnya di Taman Cempaka, Banting pada April 2009.

NOORHISHAM MOHAMMAD, 38

Pegawai bank CIMB cawangan Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Sudah berkahwin dan mempunyai tiga cahaya mata.

Dikatakan kenalan rapat kepada Sosilawati yang merupakan pelanggannya sejak dua tahun lalu.



KAMARUDIN SHANSUDIN, 44

Pemandu dan pembantu peribadi Sosilawati.

Bercerai dengan isterinya pada 2006.

Perkahwinan pasangan tersebut pada 1997 sebelum itu dikurniakan tiga orang cahaya mata.



ALLAL KANTAN MUTHU RAJA, 34

Warga India.

Saudagar batu pertama.

Dilaporkan hilang pada 29 Mac 2010 di Balai Polis Klang.

Siasatan mengesahkan dia telah dibunuh.



T. SELVI, 46

Berasal dari Banting, Selangor.

Merupakan isteri kepada seorang pengusaha bengkel kereta yang dikenali P. Balasandam, 54.

Dibunuh selepas berlaku perselisihan faham berhubung urusan niaga pinjaman wang tahun lepas.



MOHD. SHAFIK ABDULLAH, 37

Ahli perniagaan.

Dilaporkan hilang pada 13 April di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda, Sungai Petani.

THERAVARAJ SHANMUGAM, 28

Merupakan rakan Mohd. Shafik.

Berasal dari Taiping, Perak.

